

D125

R 8609 BAH

MAHATHIR - TUAH

MELAKA, 28 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD MENYIFATKAN MELAKA SEBAGAI BUMI BERTUAH KERANA DIPILIH OLEH TUNKU ABDUL RAHMAN SEBAGAI TEMPAT PENGISYTIHARAN TARIKH KEMERDEKAAN NEGARA.

DALAM PERUTUSANNYA SEMPENA PERASMIAN MEMORIAL PENGISYTIHARAN KEMERDEKAAN DI SINI SABTU INI, PERDANA MENTERI BERKATA, TIADA TANDA KEMANGAN YANG PALING SESUAI BAGI MENGENANG DETIK BERSEJARAH ITU SELAIN MEWUJUDKAN SEBUAH MEMORIAL.

+ SAYA MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA SEMUA PIHAK YANG BERUSAHA DAN BERJAYA MEWUJUDKAN MEMORIAL ITU DI MELAKA, + KATANYA.

BELIAU YAKIN MEMORIAL ITU AKAN DAPAT BUKAN SAHAJA MENINGATKAN KEMBALI DETIK-DETIK SEJARAH KEMERDEKAAN NEGARA KEPADA PARA PEJUANG KEMERDEKAAN, MALAHAN JUGA AKAN DAPAT MENANAMKAN SEMANGAT NASIONALISME DI KALANGAN GENERASI MUDA.

+ PARA PEJUANG KEMERDEKAAN TELAH MEMBUKTIKAN KEMAMPUAN DAN KEUPAYAAN MEREKA BAGI MENEKAM MARUAH AGAMA, BANGSA DAN NEGARA DAN SEKARANG INI MERUPAKAN SATU CABARAN KEPADA GENERASI MUDA BAGI MENGEKALKAN KEMERDEKAAN DAN MEMASTIKAN MARUAH INI TIDAK TERGADAI, + TEGASNYA. -- LAGI

1957MST 28 08 .85

D127

R 8610 BAH

MAHATHIR - TUAH 2 MELAKA

SEMENTARA ITU KETUA MENTERI, DATUK SERI ABDUL RAHIM TAMBY CHIK DALAM +SUARA MELAKA+ KELUARAN KHAS SEMPENA HARI KEBANGSAAN BERKATA KEWUJUDAN MEMORIAL DAN PUSTAKA PERINGATAN KEMERDEKAAN DI NEGERI ITU AKAN MENYEMARAKAN USAHA MENGEKALKAN WARISAN SEJARAH PERJUANGAN KEMERDEKAAN NEGARA.

KATANYA, PERSETUJUAN KERAJAAN PUSAT UNTUK MENUBUHKAN MEMORIAL INI MERUPAKAN MANIFESTASI PENGIKTIRAFAN PERANAN MELAKA DALAM PROSES PEMBINAAN NEGARA.

MENURUTNYA, SECARA SIMBOLIK MEMORIAL ITU MELAMBANGKAN KEBESARAN DAN KEUTUHAN BANGSA MALAYSIA. IA AKAN MENCERMINKAN KEGIGIHAN DAN KEPINTARAN PEJUANG-PEJUANG NASIONALIS MEMERDEKAKAN NEGARA TANPA MENITISKAN DARAH.

KETUA MENTERI JUGA MENYATAKAN, MEMORIAL ITU BUKAN MILIK MELAKA SAHAJA TETAPI ADALAH MILIK SEMUA RAKYAT KERANA ISI KANDUNGANNYA MERUPAKAN WARISAN SEJARAH KEBANGKITAN BANGSA DAN NEGARA.

MEMORIAL ITU AKAN DIRASMIKAN OLEH BAPA KEMERDEKAAN, TUNKU ABDUL RAHMAN DALAM SATU UPACARA BERSEJARAH. -- BERNAMA

2000MST 28 08 85